



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN MAZNAH BINTI SULAIMAN  
PENGUSAHA TEMBIKAR LABU SAYONG TRADISIONAL

OLEH:

NUR IZATUL ASMA BINTI ABD GHANI	2020819166
NUR SYAMIMI BINTI ZULKEFLI	2020830748

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN MAZNAH BINTI SULAIMAN  
PENGUSAHA TEMBIKAR LABU SAYONG TRADISIONAL**

**OLEH:**

<b>NUR IZATUL ASMA BINTI ABD GHANI</b>	<b>2020819166</b>
<b>NUR SYAMIMI BINTI ZULKEFLI</b>	<b>2020830748</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)**

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t,

Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya transkrip ini dapat disiapkan tepat pada masanya. Dalam menyiapkan transkrip ini, kami telah mendapat banyak sokongan dan juga bantuan daripada pelbagai pihak.

Sejuta penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Puan Maznah Binti Sulaiman di atas kesudian beliau ditemubual dan seterusnya kesudian beliau berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang pengusaha labu sayong tradisional. Segala kerjasama yang diberikan oleh beliau sepanjang sesi temubual dijalankan, kami dahulukan dengan jutaan terima kasih.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Puan Nurul Annisa Binti Abdullah selaku pensyarah subjek IMR604 merangkap penyelia kami yang telah banyak membantu dan membimbing kami untuk menyiapkan transkrip ini. Tanpa tunjuk ajar yang jitu daripada beliau, mustahil bagi kami untuk menyiapkan temubual dan transkrip ini dengan jayanya.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga diucapkan buat diri kami masing-masing kerana begitu komited dan saling membantu antara satu sama lain serta rakan-rakan yang lain yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan dalam proses menyiapkan transkrip ini

Sekian, terima kasih.

**ISI**  
**KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak .....	iii
Senarai Abreviasi.....	iv
Senarai Singkatan.....	iv
Rujukan Kata.....	v
Biodata Penemubual 1.....	vi
Biodata Penemubual 2.....	vii
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Peribadi.....	01
Bahagian 2: Latar Belakang Keluarga.....	03
Bahagian 3: Latar Belakang Pendidikan.....	07
Bahagian 4: Kerjaya.....	10
Bahagian 5: Industri.....	12
Bahagian 6: Pengalaman.....	22
Bahagian 7: Sumbangan.....	25
Bahagian 8: Harapan.....	26
Rujukan.....	30
Lampiran	
Log Wawancara.....	31
Diari Kajian.....	40
Senarai soalan.....	45
Surat Perjanjian.....	51
Gambar.....	52
Indeks.....	53

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh dan pelajar bersama Puan Maznah Binti Sulaiman, seorang pembuat tembikar labu sayong di Kuala Kangsar, Perak. Labu Sayong merupakan kegiatan perusahaan seni tembikar tradisional yang menjadi salah satu daya tarikan bagi daerah Sayong, Kuala Kangsar, Perak. Melalui proses uli, terap, asap dan dibakar, akhirnya tanah liat dibentuk menjadi sesuatu yang sungguh berseni dengan rekaan corak permukaannya dihiasi dengan motif alam sekitar seperti motif bunga padi, pucuk rebung, bunga cengkih dan lain-lain. Walaupun sudah mencecah usia 65 tahun, Puan Maznah masih mengekalkan kaedah pembuatan labu sayong secara tradisional meskipun puluhan pengusaha lain di sekelilingnya sudah beralih kepada pembuatan tembikar labu sayong secara moden yang lebih menguntungkan. Prinsip yang dipegang Puan Maznah hanya satu iaitu jika tiada yang mahu meneruskan tradisi ini, ia akan mati. Meskipun penghasilan labu sayong yang dibuat menggunakan kaedah tradisional adalah terhad, namun beliau tetap akan mengekalkannya. Dengan temubual sebegini, sejarah dan seni warisan tempatan seperti pembuatan tembikar labu sayong dapat dijadikan rujukan dan sumber inspirasi kepada generasi muda hari ini dan masa depan untuk meneruskan seni pembuatan tembikar labu sayong ini meskipun tahun berganti tahun.*

**Kata kunci:** *Warisan, sejarah, tembikar, labu sayong, Kuala Kangsar*

## ABSTRACT

**Abstract:** *A ceramic manufacturer of sayong pumpkin potter from Kuala Kangsar, Perak, named PuanMaznah Binti Sulaiman was the topic of this interview. One of the attractions of the Sayong village of Kuala Kangsar, Perak, is the Labu Sayong activity, a traditional clay craft business. The clay is eventually transformed into something absolutely creative through the steps of kneading, applying, smoking, and burning. Surface patterns are embellished with natural motifs like rice blossom motifs, bamboo shoots, cloves, and others. Puan Maznah continues to make sayong gourd pottery using the traditional method even though she is 65 years old and hundreds of other local business owners have shifted to the more lucrative modern method. Puan Maznah clings to just one principle: this tradition will end if no one wishes to carry it on. He will continue to produce sayong pumpkin using traditional techniques even though a limited amount of it is available. With the use of this type of interview, the rising generation of today and tomorrow can use local heritage art and history, such as sayong pumpkin pottery, as a point of reference and motivation to carry on the craft despite the passage of time.*

**Key words:** *Heritage, history, pottery, sayong pumpkin pottery, Kuala Kangsar*



## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
PRU	PILIHAN RAYA UMUM

## **SENARAI SINGKATAN**

KL : Kuala Lumpur

TV : Televisyen

## RUJUKAN KATA

DIALEK	MAKSUD
Ler	Lah
Bunge	Bunga
Petue	Petua
Omputih	Orang putih
Biaso	Biasa
Sabor	Sabar
Berjuei	Berjual
Seringgit	Satu ringgit (RM1)
Takmau	Tidak mahu
Keluorkan	Keluarkan
Bakor	Bakar
Ngajo	Ngajar
Depa	Mereka
Ghamei	Ramai

**BIODATA**  
**PENEMUBUAL**

## BIODATA PENEMUBUAL 1



**NAMA** : Nur Izatul Asma Binti Abd Ghani  
**TARIKH LAHIR** :  
**TEMPAT LAHIR** :  
**ALAMAT** :  
**NO. TELEFON** :  
**EMEL** :  
**PROGRAM** : Pengurusan Maklumat (IM245)

## BIODATA PENEMUBUAL 2



**NAMA** : Nur Syamimi Binti Zulkefli

**TARIKH LAHIR** :

**TEMPAT LAHIR** :

**ALAMAT** :

**NO. TELEFON** :

**EMEL** : Pengurusan Maklumat (IM245)

**PROGRAM**

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



**NAMA** : Maznah Binti Sulaiman

**NAMA SAMARAN** : Mak atau Makcik

**TEMPAT LAHIR** :

:

:

:

**ALAMAT** :

: Pengusaha Tembikar Labu Sayong Tradisional

: Perusahaan

**NO. TELEFON**

**EMEL**

**PROFESION**

**BIDANG**

# **PENGENALAN**



## PENGENALAN

Labu sayong merupakan sejenis tembikar berbentuk labu yang berwarna hitam dan coklat berasal dari mukim Sayong, sebuah desa yang terletak 1 kilometer dari Kuala Kangsar, Perak di negara Malaysia. Labu sayong berbentuk leper seperti labu bocong, labu tela, labu pucung dan labu panai. Hiasan yang kebiasaannya digunakan ialah pecah empat, bunga api, bunga lawang, bunga cakar ayam, bunga tanjong, bunga cengkih dan pucuk rebung. Teknik yang biasa digunakan ialah teknik lingkaran dan picit tangan bagi proses pembentukan labu sayong. Bagi penduduk di Kampung Sayong, mereka menggunakan sejenis tanah yang terdapat di daerah Sayong. Para penghasil labu sayong menyatakan bahawa tanah yang sesuai digunakan ialah tanah yang didapati satu kaki daripada aras permukaan buni. Tanah liat yang digunakan untuk penghasilannya ialah tanah liat yang berwarna kelabu dan yang kemerah-merahan. Alatan yang digunakan pula ialah batu sungai, pengukir, perepek, span, pinggan, papan rata atau papan gelak, gergaji kecil, pengguris dan roda pembentuk tembikar.

Labu sayong bukan sahaja menjadi tempat untuk menyimpan air, bahkan turut berfungsi sebagai bahan penting dalam upacara keagamaan, seni binaan, bahan perhiasan dan juga cenderahati, malahan air yang disimpan di dalam labu sayong ini bukan sahaja segar untuk diminum, tetapi dapat dijadikan penawar kepada beberapa penyakit contohnya demam panas. Kini, pembangunan teknologi yang pesat membuatkan penghasilan seni seramik ini lebih cepat dan dapat mengurangkan penggunaan tenaga manusia, selain terhasilnya reka bentuk moden dan kontemporari selari gaya hidup masyarakat terutama generasi muda. Dalam kajian ini, tokoh yang ditemubual merupakan pengusaha tembikar labu sayong yang masih mengekalkan pembuatan labu sayong secara tradisional. Meskipun sudah ramai pengusaha yang berubah ke pembuatan moden, Puan Maznah tetap memegang pendirian untuk meneruskan pembuatan labu sayong secara tradisional. Labu sayong hasil tangan beliau mendapat sambutan sehingga ke luar negara seperti Jepun, China, Australia dan Jerman. Justeru itu, Puan Maznah amat berharap agar generasi seterusnya akan meneruskan legasi pembuatan tembikar labu sayong ini secara tradisional agar kelangsungan keunikan dan keistimewaannya terus kekal di persada dunia.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni warisan labu sayong. Figura hebat tersebut ialah Puan Maznah Binti Sulaiman yang merupakan seorang pembuat labu sayong yang sudah terlibat lebih 50 tahun dalam seni warisan ini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 20 Januari 2023 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 12.30 tengahari bertempat di Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan Kampus Machang. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Syamimi Binti Zulkefli dan Nur Izatul Asma Binti Abd Ghani. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

PM: Puan Maznah

NS: Nur Syamimi

IA: Izatul Asma

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PERIBADI

NS : **Apakah nama penuh puan?**

PM : [Bunyi kanak-kanak menangis]. Nama saya Maznah Binti Sulaiman.

NS : **Adakah puan mempunyai nama samaran atau nama panggilan?**

PM : Nama panggilan? Nama panggilan Mak. Mak saje [sahaja].

NS : **Bilakah puan dilahirkan?**

PM : Hmm...(berfikir). Tarikh lahir tahun .

NS : **: Dimanakah puan tinggal sekarang?**

PM : Haa...Sayong, Kuala Kangsar (tersenyum).

NS : **Dimanakah puan dibesarkan?**

PM : Ha di kampung ditempat makcik ler [lah]...eh makcik  
(memejamkan mata). Kampung ...

NS : **Apakah hobi puan pada masa lapang?**

PM : Siram pokok bunge [bunga] ler [lah], kemas rumah... [ketawa].

NS : **Selain daripada hobi tersebut, apakah yang selalu puan lakukan  
pada waktu lapang?**

PM : Hobi lain takde ape [tiada apa]..buat labu je [saja] lah.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG KELUARGA**

**NS : Seterusnya, kita beralih ke latar belakang keluarga puan, bolehkah?**

**PM : Haa...boleh boleh.**

**NS : Siapakah nama ibu dan ayah puan?**

**PM : Nama mak . Bapak [ayah] .**

**NS : Apakah pekerjaan ibu dan ayah puan?**

**PM : Ye? [Ya?] (Mendekatkan telinga di telefon). Kampung je ler [sahaja lah].**

**NS : Bolehkah puan ceritakan bagaimana ibu bapa puan mendidik puan?**

**PM : Haa...daripada kecik [kecil] lagi ler [lah]. Sekolah ler [lah], itu aje [sahaja] takde ape [tiada apa].**

NS : **Berapakah bilangan adik beradik puan?**

PM : Adik beradik ada lima orang.

NS : **Puan merupakan anak ke berapa dalam keluarga?**

PM : Saya anak nombor dua. Sekarang ni [ini] tinggal dua orang je [sahaja]. Yang lain ---. (NS bertanya “yang lain semua dah (sudah) meninggal?”). Aah.

NS : **Siapakah nama suami puan?**

PM : Saparuddin Bin Mohd Nor.

NS : **Boleh saya tahu apakah pekerjaan suami puan?**

PM : Kerja kampung je [sahaja]...sekarang ni [ini] tidak berapa sihat. Tak [tidak] kerja dah [sudah]. (NS menambah “duduk dekat rumah jelah ye?”). Aah..duduk dekat rumah je [sahaja].

NS : **Boleh saya tahu juga bilakah puan mula mendirikan rumah tangga?**

PM : Tahun...hmm...32 tahun.(NS bertanya “32 tahun ya?”. Ya...aah.

NS : **Puan mempunyai berapa orang anak?**

PM : Lima.

NS : **Sebagai seorang ibu, bagaimanakah puan mendidik anak-anak?**

PM : Didik anak ke macam mana? (tersenyum). (NS mengiyakan). Anak-anak semua dah [sudah] berkahwin. (IA mencelah “macam mana puan bahagikan masa untuk buat labu sayong dan menjaga anak-anak?”. Masa itu anak kecik [kecil], makcik buat labu saja [sahaja]. Tapi sikit je [sahaja] ler [lah].

NS : **Adakah anak-anak puan masih tinggal dengan puan?**

PM : Haa...ada. Sebelah rumah je.

NS : **Boleh puan beritahu kami serba sedikit mengenai anak puan? Mereka bekerja dengan puan ataupun bekerja sendiri?**

PM : Ha..ha. Anak sekarang ini dia buat bisnes sendiri je. Buat bisnes labu. (NS mencelah “oh buat labu jugaklah?”). (Mengangguk). Yang lain tu kerja lain la. Tak minat buat labu... [ketawa].

NS : **Apakah petua puan dalam mendidik anak-anak puan?**

PM : Takde [tidak ada] le [lah] petue [petua] takde [tidak ada]. (Tersenyum).

NS : **Apakah aktiviti keluarga yang selalu puan buat dekat rumah? Kalau ada makan atau apa apa ke?**

PM : Makan tu makan ler [lah]. Takkan tak makan... [ketawa]. (IA mencelah “macam puan buat aktiviti untuk mengeratkan lagi hubungan keluarga dengan anak-anak yang jauh?”. Anak takde [tidak ada] jauh-jauh, semua dekat dekat je.

**TAMAT BAHAGIAN 2**



### BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

NS : **Pada tahun bilakah puan mula mendapatkan pendidikan awal?**

PM : Masa tu sekolah rendah.

NS : **Puan bersekolah rendah di sekolah mana?**

PM : Nama sekolah tu [itu] Kampung Kepala Bendang. Kampung sendiri.

NS : **Apakah cita-cita puan sewaktu kecil?**

PM : Dulu...hahaha [ketawa] masa kecil hendaklah kerja macam orang lain juge [juga]. Tapi tak boleh. Masa tu nak mintak kilang ke, kerja apa kita teringin lah, tapi tak boleh (nada sebak). Kita duduk kampung je [saja], kerja buat labu je [saja].

NS : **Puan ingat tak [tidak] pada tahun bilakah puan mendapatkan pelajaran di sekolah rendah?**

PM : Masa umur...masa tu (memejam mata)...tujuh tahun ler [lah]. Masa sekolah. (NS menyampuk "tak ingat dah tahun bila semua tu?"). Tak ingat dah. Dah berumur mana ingat... [ketawa].

NS : **Dimanakah sekolah menengah puan?**

PM : Sekolah menengah tak sampai --- kampung aje [saja], kampung makcik. Dulu takde [tidak ada] ---. (IA menyampuk, “dekat lah, rumah dengan sekolah dekat?”). Dekat dengan rumah, sebelah rumah je [sahaja].

NS : **Apakah mata pelajaran yang puan paling digemari ketika di sekolah rendah dan di sekolah menengah dan kenapa?**

PM : Bahasa...Bahasa Melayu je [sahaja], omputih [orang putih] tak [tidak] tahu [ketawa]. Haa...macam tu je ler [lah].

NS : **Adakah puan ada pegang apa-apa jawatan sewaktu di sekolah rendah dan sekolah menengah?**

PM : Haa masa duiu takde [tidak ada] pape [apa-apa] puni. Belajar biaso [biasa] je [saja]. Kita biasa biasa je [saja].

NS : **Apakah pengalaman puan di zaman persekolahan, ingat tak?**

PM : Masa sekolah dulu, main je ler [lah] dengan kawan-kawan. Masa budak-budak dulu. --- takde [tidak ada] ler [lah], kejam kejam je berkawan. --- je.

**NS : Puan ada jugak melibatkan diri dalam sukan semasa bersekolah?**

**PM : Takde. Takde sukan.**

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### BAHAGIAN 4: KERJAYA

NS : **Lepas habis tamat persekolahan tu, apakah pekerjaan awal puan sebelum puan membuat labu sayong?**

PM : Takde kerja apa pun. Mula buat labu masa umur 10 tahun. Masa dengan arwah mak dulu ler [lah]. (NS mencelah “lepas habis sekolah memang terus buat labu sayong lah?”). Ya.

NS : **Masa mula-mula membuat labu sayong, puan bekerja di mana pada waktu itu?**

PM : Buat dekat rumah je. Buat dekat rumah mak. Berlatih belajar buat dengan mak je.

NS : **Adakah puan menghadapi kesusahan dengan pekerjaan pertama puan?**

PM : Oh, masa dulu memang susah. Nak buat apa pun, nak keluar pun --- duit. Makan pun susah, apa pun. Sabor [sabar] je masa tu.

- NS : **Bagaimanakah puan meningkatkan kemahiran yang ada?**
- PM : Yang buat labu tu? (NS mengiyakan). Masa tu makcik buat labu pada umur 10 tahun sampai sekarang makcik buat labu lagi. Haa.
- IA : **Waktu puan buat labu tu kadang ada jadi ke atau tak jadi?**
- PM : Haa memang ada kadang jadi, kadang tak jadi. --- macam-macam ler— sangat. Pecah ke apa benda. Haa banyak.
- IA : **Bagaimanakah puan membahagikan masa antara kerja dan keluarga?**
- PM : Masa waktu kerja, kerja. Masa tak buat tu, rehat ler [lah]. Kemudian, masak ler [lah] tengahari, malam, tu je.
- IA : **Apa yang waktu puan mula-mula buat labu sayong, pendapatan yang pertama dapat tu berapa?**
- PM : Mula-mula buat labu sayong, masa tu berjuei [berjual] ---. Berjual tu takde la dapat banyak, dulu murah. Buat seringgit [RM1] dua ringgit je. Dah sebulan berape [berapa] je dapat kalau 10 biji 20 biji. Baru berapa ringgit. Mase [masa] tu makan murah sikit. Takde macam sekarang ni --  
-.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

#### USAHAWAN PEMBUATAN LABU SAYONG

#### BAHAGIAN 5: INDUSTRI

NS : **Berapakah harga labu sayong yang dijual oleh puan?**

PM : Sekarang ni ke masa dulu? (NS dan IA mengangguk). Sebiji RM200 picit tangan. Dulu lain ler [lah], harga lain. Dia tak sama. Dalam kampung makcik, makcik seorang je buat labu setakat ni. Orang lain takde dah, takde dah orang..apa orang kate [kata] ---.

NS : **Adakah puan mempunyai kedai untuk menjual labu sayong ini?**

PM : Makcik hantar ke Jepun tu labu sayong. Makcik takde jual dalam kampung, takde. (NS dan IA berasa teruja). Kat [dekat] kampung ni ada jugak orang beli sebiji dua biji.

NS : **Adakah puan mempunyai pekerja untuk membuat labu sayong ini?**

PM : Makcik buat takde dengan sesiapa. Makcik buat sendiri saje [saja]. Buat seorang. Makcik ---.

NS : **Adakah puan mempunyai tempat khas untuk membuat labu sayong?**

PM : Ha ada. Sebelah rumah je. Tapi tak besar, kecik [kecil] je. Sebab makcik buat seorang ---.

NS : **Dimanakah tempat tersebut dibangunkan?**

PM : Bengkel bukan bengkel sangat pun. Biasa biasa kat luar je. Jadilah makcik bukan orang senang, orang susah.

NS : **Boleh puan kongsikan, apakah keistimewaan pembuatan labu sayong pada pendapat puan?**

PM : Labu sayong ni elok juga minum, kalau demam ke apa ke, kita amalkan selalu minum. Air labu kan, dia lagi elok pada air peti ais tu. Air mata air ke. Haa...macam itulah.

IA : **Dia masukkan air terus minum atau kena simpan dulu?**

PM : Ha basuh dulu, bekas labu air tu basuh-basuh kemudian kita masak air panas. Bagi dia sejuk sikit, bila dah sejuk sikit, kita masukkan dalam labu. Haa...biar semalam. Haa baru sejuk. Makcik tak minum air peti ais, minum air labu je.

IA : **Baik untuk kesihatan badan ya?**

PM : Ha ya.

NS : **Boleh puan terangkan saya sedikit sebanyak proses membuat labu sayong?**

PM : Haa. Mula-mula beli tanah dekat kawan, kemudian tanah itu jemur, kering kemudian tumbuk, ayak haa kemudian kita bancuh dengan air ---. Haa.

NS : **Boleh tahu apakah jenis tanah yang digunakan untuk membuat labu sayong?**

PM : Ha tanah tu biasa je, tanah tu ---. Hanya ada di Kampung Kepala Bendang yang boleh buat labu sayong. Dia ada tanah dia. Kalau dia takda bergetah tu dia takmau buat labu. Takmau [tidak hendak] jadi.

NS : **Adakah labu sayong mempunyai campuran bahan lain selain daripada tanah?**

PM : Dia tak campur apa-apa. Campur dengan air je.



NS : **Boleh saya tahu juga berapa lama proses pembakaran labu sayong?**

PM : Bakar labu sayong dalam 8 jam baru boleh.

NS : **Adakah puan mempunyai tempat khas untuk membakar labu sayong?**

PM : Ya, ada ada.

NS : **Berapa lamakah proses untuk membuat satu labu sayong itu?**

PM : Haa dia dalam empat [4] sampai enam [6] tujuh [7] hari baru boleh keluarkan [keluarkan] labu tu bubuh [letak] dalam sekam --- panas dalam tu.

NS : **Boleh saya tahu apakah yang puan lakukan untuk mengekalkan kualiti labu sayong dalam proses pembuatannya?**

PM : Masa dalam proses, dia (memejam mata berfikir), masa nak bakar tu, -- kayu kena jemur kering betul-betul, kalau tak [tidak] dia meletup...pecah. Penat acik [maccik] buat [ketawa].

NS : **Berapa banyak labu sayong yang dihasilkan oleh puan dalam masa sehari?**

PM : Sehari makcik buat dalam lima [5] biji, tapi --- dua tiga hari baru siap betul-betul. Dia bersambung-sambung.

NS : **Apakah bentuk labu sayong yang disukai oleh puan?**

PM : Bentuk labu sayong labu ---, labu panas, ataupun labu licin. 3 jenis tu.

IA : **Labu yang telah dibuat dan dibentuk ya?**

PM : Masa tu dah buat dah. Dah dibentukkan dia dah sejuk kita bagi dia lici, bila dah bentuk dah kita bakar [bakar] ler. Selalu --- lima [5] enam [6] biji satu dapur. Begituler [begitulah].

NS : **Berapakah jumlah pesanan labu sayong yang paling tinggi yang puan pernah terima?**

PM : Makcik selalu boleh 50 biji, labu dia tidak boleh --- sebenarnya, kena cukup had je [saja].

- NS : **Maksud saya, tempahan yang dilakukan oleh orang kampung?**
- PM : Labu tidak boleh buat banyak dalam satu waktu. Kalau orang banyak *order* [tempah] pun, sebab labu tu perlu melalui banyak proses.
- NS : **Adakah labu sayong ini masih mendapat sambutan oleh orang ramai pada masa kini?**
- PM : Ada. Tak ramai, tapi ada lah. Kami ada *supplier* [pembekal] yang menjual labu makcik ke Jepun. Labu makcik sama macam labu moden, cumanya labu makcik lagi sejuk sebab guna kaedah picit tangan. Labu ini sesuai untuk rawatan sihir dan matikan sihir.
- IA : **Adakah puan seorang sahaja yang masih mengekalkan kaedah picit tangan sehingga kini?**
- PM : Ya, makcik seorang sahaja yang guna kaedah tu [itu].

IA : **Apakah perbezaan pembuatan labu sayong pada zaman dahulu dan zaman sekarang?**

PM : Dulu masa makcik ambil tanah susah, jauh sikit daripada rumah kan. Junjung atas kepala (menunjukkan reaksi) balik rumah nangis-nangis rasanya. Jauh, bukannya dekat. Basikal takde [tidak ada] motor takde [tidak ada]. Makcik bersabor [bersabar] je masa tu.

NS : **Kita kiralah, berapa pendapatan kasar puan pada masa sekarang?**

PM : Masa itu makcik jualan labu takdelah banyak mana. Dalam RM300 je macam tu je. Tapi laku labu masa tu, habis buat habis buat.

NS : **Kiranya puan seorang sahaja ya yang proses semua labu?**

PM : Ya, takde bekerjasama dengan sesiapa. Yang bakar tu, anak je lah yang bakarkan labu.

IA : **Suami puan boleh buat labu sayong juga ya?**

PM : Boleh, tapi sekarang sakit duduk berehat je lah. Dulu buat dengan dia takpe la.

NS : **Boleh saya tahu juga cara puan promosi labu sayong ini pada masyarakat luar?**

PM : Dulu ada, tapi sekarang dah tak boleh jual dalam *online* [atas talian] semua ni, sebabnya kita dah hantar ke Jepun jadi pihak kerajaan Jepun dia pantau tau [tahu]...dia tengok. Jadi siapa yang dah tahu, mereka [pembeli] akan datang sini terus dan beli. Kita nak letak di media-media tak [tidak] boleh dah.

NS : **Puan ada buat poster atau *banner* [sepanduk] untuk mempromosikan labu sayong ini?**

PM : Untuk labu makcik ni takde [tidak ada]. Cumanya labu makcik ni pernah masuk TV3.

NS : **Boleh saya tahu, apakah corak labu sayong yang sering ditempah dari luar negara? Seperti yang kita sedia maklum, labu sayong ini dieksport ke Jepun kan, bentuk yang sering orang sana tempah dan suka?**

PM : Bentuk labu ---, labu panas, labu licin. Tu je bentuk bertiga yang selalu mendapat tempahan. Dekat sana, ada galeri tau. Dia yang bawa ke Jepun tu orang sini, suaminya dekat Jepun dia dekat sini. Namanya Susilawati Binti Sulaiman tapi di sini panggil Suzi. Dia yang naikkan nama makcik dan sanggup melabur duit.

IA : **Adakah Susilawati orang kampung situ atau bukan?**

PM : Dia orang Johor. Dia kahwin dengan orang Jepun.

IA : **Bagaimana dia boleh bertemu dengan Puan Maznah?**

PM : Masa itu, dia melalui karnival usahawan dekat sini juga la. --- memang cari orang untuk buat labu. Jadi, karnival usahawan tu dia yang bawa ke sini dan dia ada *group* [kumpulan] dengan budak-budak Jepun, *art* [seni] Jepun tu kan, dia bawa semua kawan-kawan dari Jepun datang sini tengok pembuatan labu sayong. Maccik yang ngajo [mengajar] mereka di bengkel tu. Mereka datang belajar juga dekat rumah maccik. Zaman dulu, pembuatan labu sayong ini dimonopoli oleh perempuan. Jadinya, sekarang ini terbalik, banyak lelaki daripada perempuan yang mengusahakan labu sayong ini. Kawan-kawan maccik semua dah tak buat kaedah tradisional sebabnya susah sikit.

NS : **Boleh saya tahu cara puan menghantar tempahan dari pembeli yang menempah secara atas talian?**

PM : Kalau pos tu, kami akan gunakan *bubble wrap* [bungkus gelembung] dan kami akan balut dengan polisterin yang ---. Ataupun yang nak hantar ke Jepun tu, yang Suzi daripada KL [Kuala Lumpur] tu dia akan datang dia akan ambil. Nanti dia akan kumpul banyak-banyak stok di KL, dia akan

pos guna *flight* [kapal terbang]. Tahun lepas dia hantar awal tahun tu, lebih kurang anggaran 20 ribu lebih sebab kos mahal naik kargo.

**NS : Boleh saya tahu harga labu sayong untuk luar negara adakah berbeza dengan jualan dalam negara?**

**PM :** Sana lagi mahal. Sebab orang kat sana suka minum pakai labu. Orang sini tak tahu, dekat kucing dia bagi [ketawa]. Labu sayong ini dia ada khasiat dia, untuk demam panas, bagi badan sejuk. Air tu sesuai untuk penyakit demam, selsema. Ph dia lagi tinggi berbanding dengan air mata air, air labu lebih baik. Pernah minum ke?

**NS & IA : Tak pernah [ketawa]. Kami pun macam berminat. InsyaAllah nanti kami akan cuba. Sekiranya puan menggunakan perkhidmatan penghantaran barang, pernahkah labu sayong yang dihantar kepada pembeli pecah atau rosak?**

**PM :** Ada. Selalu kami akan ganti balik. Tapi kan, kalau kejadian berlaku dalam tangan orang tengah, kami tak akan ganti balik. Sebab bukan kesilapan dari kami.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6: PENGALAMAN**

**NS : Adakah puan menurunkan ilmu pembuatan labu sayong ini kepada anak-anak puan?**

**PM :** Anak makcik takde [tidak ada] ler [lah], dia tak minat [ketawa]. Dia lebih kepada moden ---. Anak makcik semua lelaki, perempuan takde. Lelaki depa [mereka] tak minat. Makcik seorang je yang minat buat labu.

**NS : Apakah reaksi masyarakat tempatan terhadap labu sayong pada pendapat puan?**

**PM :** Tiada reaksi apa, cuma berbangga sebabnya masih ada seni warisan pembuatan labu sayong tradisional. Orang-orang tua di kamoung ni mana ada dah, banyak yang dah tak larat [sihat]. Makcik kuat lagi [ketawa]. Sebab makcik ni petua dia rajin --- petang-petang [ketawa].

**NS : Adakah masih terdapat generasi muda yang ingin mempelajari pembuatan labu sayong melalui puan?**

**PM :** Ada. Tapi takde la ghamei [ramai]. Yang sebenar-benarnya takda lah. Sikit sangat yang nak belajar. Dulu ada kelas la. Dulu, proses pembelajaran dari A sampai Z. Belajar sampai dapat, kalau tak dapat ilmu jangan datang [ketawa].



- NS : **Apakah pencapaian puan dalam bidang labu sayong ini?**
- PM : Makcik pernah pergi promosi-promosi kraftangan. Dekat Kuala Lumpur ada, negeri Perak ada.
- IA : **Puan pernah dapat anugerah atau apa apa pengiktirafan dan penghargaan semasa berkecimpung dalam seni warisan pembuatan labu sayong ini?**
- PM : Tak ada. Tapi sekarang ni dalam proses. Kalau ada rezeki InsyaAllah doakan. Kalau ikutkan tahun lepas nak naikkan ---, tapi tak jadi alasannya makcik ni tak rajin pergi *oversea* [luar negara]. Haa faham ke tidak makcik cakap ni, kamu orang mana?
- NS : **Saya Terengganu dan dia (menunjuk IA) Kedah. Puan pernah tidak mengalami kecederaan semasa proses pembuatan labu sayong?**
- PM : Kedah, Kedah dekat je. Makcik pernah ketika dahulu ceritanya, sedang nyenyak tidur tiba-tiba mimpi kena hempap dek labu [ketawa]. Ingatkan mati dah...[ketawa]. Panjang umur makcik, sakit juga dada...gedebuk [ketawa]. Pernah kena melecur tangan terkena labu panas, terjatuh.

- NS : **Oh... [ketawa]. Apakah pengalaman pahit puan yang pernah dialami sepanjang mengendalikan proses pembuatan labu sayong?**
- PM : Pernah buat labu tapi tak menjadi, makcik cakap taknak buat dah. Bercakap aje [saja], tapi makcik buat juga. Kalau dah minat tu, kerja lain tak nak dah, nak buat labu je. Labu picit tangan berat sikit, kena ikut emosi...[ketawa].
- NS : **Apakah pengalaman manis yang diperolehi sepanjang menceburkan diri dalam bidang pembuatan labu sayong ini?**
- PM : Makcik seronok semua. Kalau ramai tempah labu, seronok lah. Dulu murah, sekarang dah lain.
- NS : **Puan pernah merasa putus asa sepanjang kerjaya pembuatan labu sayong ini?**
- PM : Makcik kan 60 lebih dah sekarang, kalau ikutksa memang taknak buat labu sayong dah. Tapi, bila Suzi datang minta tolong buat, kita buat juga. Seronok benor [benar] dia.
- NS : **Selain daripada Majalah 3, pernahkah media lain datang menemubual puan?**

PM : Takde [tidak ada] dah.

## TAMAT BAHAGIAN 6

### BAHAGIAN 7: SUMBANGAN

NS : **Apakah sumbangan puan kepada keluarga?**

PM : Pendapatan tu dapat sikit je, kadang buat kenduri sikit, bagi anak-anak dulu sekolah.

NS : **Apakah sumbangan puan kepada masyarakat?**

PM : Sumbangannya menaikkan nama kampung sebabnya ramai pelancong datang sini. Kalau ikutkan, makcik kena ke Jepun. Tapi disebabkan Covid-19, mereka menunda perancangan tersebut.

NS : **Selain negara Jepun, ada lagi ke negara lain yang mengimport labu sayong ini?**

PM : Ada negara China, Australia, Jerman dan ---. Orang Jerman sempat buat video pasal makcik buat labu sayong.

**NS : Oh, hebat (menepuk tangan). Apakah kesan yang pernah dihadapi oleh puan semasa berkecimpung dalam bidang ini?**

**PM : Masa PRU, tiada pesanan atau tempahan langsung. Tahun depan, InsyaAllah kalau tiada apa makcik ke Jepun. Doakan makcik panjang umur, sihat tubuh badan.**

**NS : InsyaAllah. Nanti boleh jejak Jepun (tersenyum).**

#### **TAMAT BAHAGIAN 7**

#### **BAHAGIAN 8: HARAPAN**

**IA : Apakah harapan puan terhadap golongan masyarakat mengenai bidang labu sayong?**

**PM : Kalau pada makcik, supaya orang muda ni lebih berminat untuk membuat labu. Harapannya orang-orang muda je ler [lah] yang buat. Harapkan orang yang minat, kalau takde [tidak ada] minat tak boleh buat.**

**IA : Apakah kriteria yang perlu ada jika seseorang ingin menjadi pembuat labu sayong?**

**PM : Kena ada minat dulu lah, takde [tidak ada] minat tak boleh nak buat.**

**IA : Apakah harapan puan mengenai pembuatan labu sayong ini untuk masa yang akan datang?**

PM : Makcik harapkan supaya labu ini dipandang tinggi ler [lah], kemudian harga setanding dengan proses kita buat. Sebab labu picit tangan ini susah. Jadi, orang kena nilai juga daripada titik kesenian dia.

**IA : Apakah penambahbaikan yang puan harap sangat dapat dipertimbangkan?**

PM : Macam labu makcik ni kenal banyak la agensi-agensi kerajaan ke, yang dapat membantu dari segi kecanggihan peralatan. Tengok bengkel pun berpasir pijak tanah. Lesung kaki pun dah pendek, dari 10 kaki jadi 5 kaki [ketawa].

**IA : Apakah nasihat yang puan ingin sampaikan kepada generasi sekarang berkenaan ilmu pembuatan labu sayong?**

PM : Air labu ni lagi elok daripada peti ais ha. Nasihat tu untuk kesihatan. Tengok makcik awet muda, macam umur 20 tahun [ketawa]. Nanti datang lah sini, nak beli labu nak *souvenir* [cenderahati] kahwin nanti ha boleh la [ketawa].

**IA & NS : InsyaAllah ada rezeki nanti kami sampai...(ketawa). Apakah harapan puan yang masih belum tercapai?**

**PM : Harapan apa, nak pergi mana, takda harapan apa pun. TV [televisyen] pun dah masuk, apa lagi. Tinggal nak berlakon je kalau boleh... [ketawa]. Kalau boleh, nak bengkel, tempat buat labu...itu aja lah.**

**IA : Pada pendapat puan, apakah usaha atau aktiviti yang boleh dilakukan untuk memperkenalkan aktiviti pembuatan labu sayong ini kepada masyarakat ramai?**

**PM : Labu sayong ini kena dipromosikan dalam media banyak lah. Kadang orang kampung sini yang sebelah pun tak tahu, katanya kita tak bagitahu (nada sedih). Patutya kena bagi war-warkan lagi.**

**IA : Puan buat labu ini memang niat hendak buat kaedah tradisional atau ada faktor lain untuk kekalkan ketradisionalannya ?**

**PM : Sebabnya dari kecik [kecil] dah diajar guna kaedah tradisional. Lagipun, kalau guna kaedah moden kena guna mesin. Maccik tak larat nak angkat acuan berat semua tu. Nanti tulang maccik patah [ketawa].**

**IA : Kalau tidak keberatan bolehkah kami nak tengok demo untuk membuat labu sayong?**

**PM : Nak tengok demo? Haa...boleh boleh.**

### **TAMAT BAHAGIAN 8**

#### **Penutup: [Rakaman selepas temubual]**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Puan Maznah binti Sulaiman dalam bidang seni warisan labu sayong yang terlibat sudah lebih 50 tahun dalam seni warisan ini. Kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh Puan dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam seni warisan tradisional pada masa akan datang. Sekian, terima kasih

## RUJUKAN

Azmi Arifin., Muhamad Luthfi Abdul Rahman., & Tarmiji Masron. (2010). Warisan tembikar labu sayong di Kuala Kangsar, Perak: sejarah, perkembangan dan masa depan. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation*, 28(2), 131-154.

[http://journalarticle.ukm.my/1263/1/SARI\\_28%5B2%5D2010\\_%5B06%5D.pdf](http://journalarticle.ukm.my/1263/1/SARI_28%5B2%5D2010_%5B06%5D.pdf)

Brabah. (2015, September 30). Tinjauan literatur. Slideshare. Diakses pada 19 Januari 2023 di <https://www.slideshare.net/brabah/tinjauan-literatur-53363391>



# LAMPIRAN
